

**PENGURUSAN e-REKOD PENYELIDIKAN,
PENERBITAN DAN LATIHAN**

***PUBLICATION, TRAINING AND RESEARCH
ADMINISTRATION SYSTEM (PuTRAS)***

OLEH:

ROSITA HAJI SUHAIMI

IRIS SYAWE SEH LING

WEE CHONG HUI

LEE BENG YONG

HAWA HAJI NAHAR

ROBERT JOHN JINGUT

OKTOBER 2008

Ruj: 100-UiTMKS (600/RMU/5/3/1)

Tarikh: 16 Oktober 2008

Prof. Dr. Azni Zain Ahmed
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Research Management Institute (RMI)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor.

Yang Berbahagia Prof.,

PENYERAHAN LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ‘PENGURUSAN e-REKOD PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN LATIHAN (PuTRAS)’

Dengan hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk. Bersama-sama surat ini, disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk ‘**PENGURUSAN e-REKOD PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN LATIHAN (PuTRAS)**’ sebagai sebuah projek penyelidikan yang didaftarkan dengan RMI.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Yang Benar,



Prof. Madya Dr. Rosita Hj. Suhaimi
Koordinator RMU
Universiti Teknologi MARA
Sarawak

ISI KANDUNGAN

AHLI KUMPULAN PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI GAMBARAJAH	vii
SENARAI LAMPIRAN	vii
ABSTRAK	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latarbelakang PuTRAS.....	1
1.2 Objektif PuTRAS	3
1.3 Skop Projek	4
1.4 Kerumitan Projek	5
1.5 Kepentingan Projek	6
1.6 Faedah Kualitatif Dan Kuantitatif	6
1.6.1 Faedah Kepada Organisasi.....	6
1.6.2 Faedah Kepada Pelanggan / Kumpulan Sasaran.....	8
1.6.3 Faedah Kepada Agensi / Jabatan.....	9
1.6.4 Faedah Kepada Negara	9
BAB 2 SISTEM SEBELUM PuTRAS	11
2.1 Penyelidikan	11
2.1.1 Proses Penyimpanan Rekod Penyelidikan	11
2.1.2 Masalah Penyimpanan Rekod-Rekod Penyelidikan	12
2.2 Penerbitan.....	12
2.2.1 Proses Mendapat Maklumat Tanpa PuTRAS	12
2.2.2 Masalah Mendapat Maklumat Tanpa PuTRAS	13
2.3 Proses Penyimpanan Rekod Latihan	15
2.3.1 Masalah Mendapatkan Laporan Perangkaan	15
2.3.2 Rekod Maklum Balas Selepas Menghadiri Kursus.....	16
BAB 3 PEMBANGUNAN PuTRAS	19
3.1 Perancangan Projek	19
3.2 Rangka Masa	20

ABSTRAK

Publication, Training & Research Administration System (PuTRAS) telah dibangunkan untuk penyimpanan rekod penyelidikan, penerbitan dan latihan sesebuah universiti. Ianya amat penting bagi tujuan laporan, pemantauan, pengukuran dan perancangan halatuju akademia. Sistem ini adalah sebuah sistem bersepadu yang berasaskan Web bagi memudahkan pihak pengurusan untuk mengakses rekod-rekod tersebut secara efektif dan efisien. Laporan-laporan yang kerap digunakan yang mengandungi maklumat yang terkini juga boleh dilihat melalui laman web oleh pihak pengurusan pada bila-bila masa melalui akses id pengguna dan kata laluan. Penggunaan sistem PuTRAS dapat menepati keperluan pihak pengurusan dan seterusnya mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh Jawatankuasa Pengukuran Kualiti dalam mengumpul dan mengenalpasti Petunjuk Prestasi Utama (KPI) penglibatan pensyarah dalam bidang penyelidikan, perundingan dan penulisan. Ini adalah penting memandangkan penglibatan pensyarah dalam bidang penyelidikan, perundingan dan penulisan adalah merupakan criteria utama untuk mengukur prestasi dan produktiviti setiap staf akademik.

BAB 1

PENDAHULUAN

“*Publication, Training and Research Administration System*” (PuTRAS) mula dibangunkan pada Julai 2004 dan telah digunakan secara rasminya di UiTM Sarawak pada April 2005. PuTRAS adalah merupakan sebuah sistem dalam talian berasaskan web yang digunakan untuk menyimpan segala data berkenaan dengan rekod penglibatan pensyarah dalam bidang penyelidikan, perundingan dan penulisan. PuTRAS juga adalah satu bentuk pangkalan data yang mengandungi rekod latihan yang telah dihadiri oleh staf akademik dan bukan akademik.

1.1 Latarbelakang PuTRAS

Sebelum PuTRAS dilaksanakan, UiTM Sarawak tidak mempunyai sistem yang teratur untuk menyimpan data dan rekod penglibatan pensyarah dalam penyelidikan, perundingan dan penulisan akademik serta rekod latihan. Amalan yang digunakan sebelum ini adalah dengan mengedarkan borang-borang (Lampiran A) untuk diisi oleh staf yang berkenaan dalam jangka masa yang ditetapkan. Selepas itu, maklumat yang diperolehi akan dimasukkan dalam fail *Microsoft Words* atau *Excel*. Proses analisa data pula akan dilakukan secara manual.

Kaedah ini telah menimbulkan banyak masalah seperti tidak mendapat maklumat yang diperlukan dalam bentuk dan masa yang ditentukan dan adakalanya borang tidak dikembalikan. Ini amat menyukarkan pihak pengurusan untuk